

Bagaimana hendak menjadi ahli MARES

MARES adalah sebuah pertubuhan berdaftar di bawah Suruhanjaya Pertubuhan Malaysia. Aktiviti utama MARES adalah memberi bantuan komunikasi kecemasan semasa berlakunya kecemasan. Ini adalah sebab utama MARES ditubuhkan. Di samping itu, MARES menjalankan pelbagai aktiviti lain untuk ahlinya. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah kelas persediaan RAE, kelas persediaan CW, Island On The Air (IOTA), dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan sokongan yang lain. Tiada sebarang ujian diperlukan sekadar untuk menyertai MARES.

Keahlian MARES bukan sahaja membantu meningkatkan pengetahuan seseorang di dalam bidang radio amatir, tetapi juga memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan di waktu kecemasan.

Untuk menyertai MARES, anda hanya perlu memuat-turun borang permohonan keahlian dari laman web MARES. Borang yang telah dilengkapkan perlu disertakan bersama-sama dengan bayaran pendaftaran, 2 keping gambar berukuran pasport dan yuran tahunan dan hantarkan ke ibu pejabat MARES.

MARES


Saving Lives Over The Airwaves

web :
<http://www.mares.org.my>

email :
admin@mares.org.my

mailing list :
news@mares.org.my

calling channel
V16 – 145.2000 Mhz



The Malaysian Amateur Radio Emergency Service Society (MARES)

PERSATUAN PERKHIDMATAN KECEMASAN RADIO AMATUR MALAYSIA

Registration No: WP 808
Established on: 20 Jun 2002



www.mares.org.my

No. 4A, Jalan Tinggi 6/12
Off Jalan Selangor
46000 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
admin@mares.org.my

M A R E S PERSATUAN PERKHIDMATAN KECEMASAN RADIO AMATUR MALAYSIA

Apa Itu MARES?

MARES adalah nama singkatan kepada **Malaysian Amateur Radio Emergency Service Society** atau **Persatuan Perkhidmatan Kecemasan Radio Amatur Malaysia**. Anggota-anggota MARES kebanyakannya terdiri dari pengamal berdaftar Radio Amatur.

Apa itu Radio Amatur?

Radio Amatur ataupun juga dikenali "Radio Amateur / Ham Radio" ialah satu hobi berkenaan membina, menguji-kaji dan berkomunikasi melalui radio, satelit, digital dan lain-lain. Pengguna-pengguna radio amatur ini saling berhubungan dengan rakan-rakan mereka di seluruh dunia melalui beberapa set-set frekuensi radio yang telah ditetapkan.

Definisi Radio Amatur (dari SKMM – Guidelines for Radio Amateur in Malaysia – 1st Edition, Oct 10, 2004, ms. 8)

Amateur radio service is defined in the Communication and Multimedia (Spectrum) Regulations 2000 as radio communication service (covering both terrestrial and satellite) in which a station is used for the purpose of self training, intercommunication and technical investigation carried out by authorized persons who are interested in radio technique solely with a personal aim and without any pecuniary interest.

Penggunaan radio amatur di Malaysia adalah dilesenkan di bawah Akta Komunikasi yang dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Seseorang perlu mendapatkan sekurang-kurangnya lesen Kelas B Penguntukan Radas (Apparatus Assignment) dari SKMM. Untuk mendapatkan lesen Kelas B, anda perlu menduduki RAE - Radio Amateur Examination. Ujian ini dikendalikan oleh SKMM. Maklumat tentang ujian boleh didapati dari laman web SKMM - www.mcmc.gov.my

Sebagai permulaan, anda boleh menjadi ahli bersekutu MARES atau Short Wave Listener (SWL) yang membolehkan anda mendengar perbualan di saluran radio amatur. Anda juga boleh berbual dengan cara menggunakan call-sign operator lain dengan izin.

Objektif MARES

Ahli MARES adalah terdiri daripada sukarelawan radio amatur yang bersedia untuk menyediakan perkhidmatan perhubungan di waktu kecemasan, apabila cara perhubungan biasa (seperti telefon bimbit, telefon rumah dan sebagainya) sukar didapati, kerana kerosakan atau kesesakan perkhidmatan atau diluar kawasan perkhidmatan.

Objekti utama persatuan ini adalah

1. Menyediakan perkhidmatan perhubungan secara meluas, dimasa kecemasan seperti ribut taufan, gempa bumi, dan tanah runtuh, atau secara pelbagai seperti ketika kebakaran besar, dan juga ketika dalam usaha mencari dan menyelamatkan seperti kemalangan kapal terbang, apabila cara perhubungan biasa sukar didapati. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk memberikan satu perkhidmatan perhubungan yang efektif dan berkesan.
2. Menyediakan perkhidmatan perhubungan dikawasan yang dilanda kecemasan apabila diperlukan.
3. Membantu dalam usaha mencari dan menyelamatkan dengan memberikan rangkaian perhubungan dari tempat kecemasan ke pusat operasi kecemasan.
4. Memberi rangkaian perhubungan kecemasan diantara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA3), PBSM, Bomba dan Penyelamat, Polis, TUDM, DCA dan mana-mana pihak yang terlibat dengan operasi mencari dan menyelamatkan.
5. Mempromosikan kepada umum tatacara penggunaan komunikasi radio dan bertukar-tukar maklumat dan idea dalam bidang komunikasi radio dikalangan ahli-ahli,
6. Menggalakkan perkembangan am sains dan penggunaan Komunikasi Radio / Satelit & Digital disemua peringkat masyarakat tidak mengira umur, pangkat atau keturunan.

Sejarah Komunikasi Kecemasan Radio Amatur Di Malaysia

Ahli-ahli Radio Amatur sebelum ini telah bergiat aktif dalam Komunikasi Bencana semenjak tahun 1967 lagi dimana pada ketika itu banjir besar berlaku di Kota Baru, Kelantan dan Ahli Radio Amatur di panggil untuk memberi bantuan komunikasi kecemasan dimana pada ketika itu semua perhubungan telah terputus, kecuali perhubungan "wireless".

Pada 11 Disember 1993 ketika kejadian runtuh bangunan Highland Tower, sekali lagi ahli Radio Amatur dipanggil untuk memberikan bantuan komunikasi antara tempat kejadian ke Hospital Besar Kuala Lumpur (HKL). Bantuan komunikasi ini diberikan selama 24 jam sehari selama lima hari berturut-turut.

Pada bulan February 1999 ahli radio amatur sekali lagi dipanggil oleh JPA3 Negeri Sembilan bagi membantu pihak JPA3, Polis, DCA dan TUDM dalam usaha mencari dan menyelamatkan kejadian kapal terbang Cessna terhempas di hutan Mantin, Negeri Sembilan. Semua komunikasi wireless dan telefon bimbit di kawasan bencana tidak berfungsi kecuali Komunikasi Radio Amatur.

Pada bulan Februari 2002 pihak Bulan Sabit Merah dari ibu pejabat peringkat Nasional memohon bantuan komunikasi kecemasan dimana banjir besar berlaku di Kuantan Pahang dimana pihak Radio Amatur berjaya menyediakan komunikasi tanpa wayar (*wireless communication*) dari Kuantan ke Kuala Lumpur

